



SURAT KHABAR	:	KOSMO	MUKA SURAT	:	6
TARIKH	:	23/9/2018			
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Penyeludup sanggup redah laut selama dua hari elak dikesan pihak berkuasa

435 haiwan eksotik diselamatkan

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

KANGAR – Cubaan tiga lelaki menggunakan jalan laut untuk menyeludup 435 ekor haiwan eksotik dan unggas termasuk dua ekor anak Orang Utan terbongkar apabila kapal tongkang dinaiki mereka ditahan di perairan Pulau Langkawi-Kuala Perlis di sini awal pagi semalam.

Ketiga-tiga suspek warga Indonesia berusia 40 hingga 50 tahun itu ditahan kira-kira pukul 12.25 pagi oleh anggota dari cawangan Penguatkuasaan Kastam Marin Kuala Perlis ketika sedang membuat rondaan di perairan Malaysia-Thailand.

Difahamkan, kesemua haiwan itu dipercayai dibawa dari Sumatera untuk diseludup ke negara Thailand untuk dijadikan haiwan peliharaan.

Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Datuk Seri T. Subromaniam berkata, kapal tersebut dikatakan telah penempuh perjalanan laut selama dua hari dengan melalui perairan negara semata-



SUBROMANIAM (tengah) melihat anak Orang Utan yang diselamatkan pihak kastam susulan penahanan dua lelaki di perairan Pulau Langkawi-Kuala Perlis, Kangar semalam.

mata untuk mengelak dikesan pihak berkuasa.

“Hasil pemeriksaan di dalam kapal berkenaan telah menemui 39 buah kotak mengandungi 435 ekor haiwan eksotik dan unggas.

“Antara yang diselamatkan ialah dua ekor anak orang utan, dua ekor anak musang albino, dua ekor burung cenderawasih, dua ekor burung jenis alba cockatoo dan dua ekor burung

electus parrot.

“Turut ditemui ialah 21 ekor burung bayan nuri, seekor burung kuang raya betina, 48 ekor anak buaya tembaga dan 355 ekor tupai jenis sugar ‘glider,’ katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Difahamkan, harga pasaran gelap bagi 435 haiwan eksotik berkenaan adalah RM500,000 dan ia turut digemari wanita bujang untuk dijadikan haiwan peliharaan.



SEPASANG burung alba cockatoo yang turut diselamatkan daripada diseludup ke Thailand.

Jelas beliau, kesemua suspek yang ditahan juga gagal mengemukakan dokumen berkaitan barangan yang dibawa ketika pemeriksaan dilakukan.

“Mereka telah ditahan reman dan haiwan eksotik itu diserahkan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung (Perhilitan) Perlis untuk tindakan lanjut,” jelasnya.

INFO Seludup haiwan eksotik

9 Mei 2016 – Empat lelaki warga Vietnam ditahan Perhilitan sewaktu sedang memikul empat biawak air yang masih hidup untuk diseludup pulang ke negara mereka di Pusat Rekreasi Chendering, Terengganu.

16 Mei 2017 – Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya mematahkan cubaan menyeludup 330 ekor kura-kura jenis Ploughshare dan Indian Star bernilai RM1.2 juta dipercayai dari Madagascar di Gudang Kargo Udara, Zon Perdagangan Bebas KLIA.

8 November 2017 – Seorang lelaki tempatan berusia 37 tahun ditahan Perhilitan Kedah dan sebanyak 85 ekor tenggiling bernilai RM350,000 yang cuba diseludup ke negara jiran dirampas dalam satu serbuan di sebuah rumah di Kampung Darat, Changlun, Kedah.